

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UTeM  
PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF B. HASSAN**

---

**PROGRAM KONSOLIDASI PATRIOTISME EKONOMI  
BUMIPUTERA : SIRI II, ZON SELATAN**

*10 Disember 2011 (Sabtu), 9.00 pagi, Dewan Besar UTeM*

1

*Bismillahirrahmanirrahim*

Assalamualaikum wrt. wbt. dan salam sejahtera

Terima kasih saudara Pengerusi Majlis

**i) SALUTASI**

Y.Bhg. Tan Sri Abdul Rahim bin Tamby Chik  
Pengerusi Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM)

Y.Bhg. Dato' Ramlan bin Othman  
Ketua Pegawai Eksekutif GABEM

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor bin Husain,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Kadim bin Suaidi  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM

Engr. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTeM

Prof. Dr. Muhammad Ghazie bin Ismail  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) UTeM

Dekan-Dekan, Pegawai-Pegawai Kanan, Penceramah-  
Penceramah Jemputan, Pegawai-Pegawai GABEM, Urus setia  
Program, Wakil-Wakil Media, para pelajar dan seterusnya  
hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

## **ii) KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, sebagai tanda kasih kepada Pencipta Rabbul Jalil, marilah sama-sama kita memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, maka dapatlah kita berhimpun bersama-sama di dalam Program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputera, Zon Selatan.
2. Di pihak Pengurusan Tertinggi Universiti, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan “Selamat Datang” ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka khususnya kepada Dif-dif Kehormat yang hadir. Terima kasih diucapkan kepada Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM) dan Kementerian Pengajian Tinggi

(KPT) selaku penganjur bersama yang telah memilih UTeM sebagai tuan rumah program pada kali ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

### **iii)KUPASAN ISI**

3. Pelaksanaan Program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputera di IPT yang dianjurkan oleh GABEM dan Majlis Kepimpinan dan Latihan Universiti Malaysia (MAKLUM) merupakan **wadah yang bertujuan memberi kefahaman dan kesedaran serta menerapkan budaya keusahawanan** di kalangan pelajar IPT. Menerusi program ini, agenda ekonomi bumiputera dalam meningkatkan komitmen proaktif yang mencerminkan ciri keterangkuman dan kebolehmampuan

5

dapat dihayati sepenuhnya oleh semua lapisan masyarakat bumiputera.

4. Dunia ekonomi global masa kini menuntut lebih perhatian ke arah **mempertingkatkan penyertaan bumiputera**, yang di laksana oleh kerajaan melalui dasar dan program dari masa ke semasa bermula dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehinggalah Model Ekonomi Baru (MEB). Wawasan 2020 tidak mungkin dapat dicapai tanpa transformasi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi serta rakyatnya yang berdaya saing dan kreatif. Dengan pengukuhan ekonomi bumiputera ini akan dapat **mewujudkan kestabilan serta agihan kekayaan yang seimbang** antara kaum di mana kemakmuran hasil dari pelaksanaan in akan dapat di kongsi bersama.

Para hadirin sekalian,

5. Peranan dalam menyuntik semangat serta kesedaran untuk berubah di kalangan anak bangsa bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang enteng serta tiada jalan mudah untuk mencapainya. Semua pihak haruslah **bersatu bergerak secara bersepadu** dalam memastikan agenda penting ini dipenuhi.
6. Dalam konteks ini, pihak Universiti turut memainkan peranannya serta sangat **komited dalam melatih para pelajar dan melahirkan usahawan bumiputera** yang berdaya saing. Penubuhan **Pusat Keusahawanan** yang diletakkan di bawah Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UTeM misalnya berfungsi menyelaras kursus/ latihan berkaitan keusahawanan kepada pelajar, menyediakan khidmat nasihat kepada pelajar

7

yang berminat dalam bidang keusahawanan, membantu pelajar dalam penyediaan modal dan memantau pelajar yang menjalankan perniagaan semasa tempoh pengajian serta menjalinkan hubungan dengan agensi kerajaan yang berkaitan dengan keusahawanan. Banyak program telah dijalankan oleh Pusat ini antaranya menganjurkan kursus asas keusahawanan, menyertai pertandingan-pertandingan keusahawanan termasuklah mengujudkan kiosk-kiosk dan tempat perniagaan kepada pelajar.

7. Adalah diharapkan agar program ini akan memberi **kesedaran kepada peserta untuk berubah dan tidak ketinggalan di dalam penguasaan ekonomi**. Semoga ada di antara anda yang menjadikan bidang keusahawanan sebagai salah satu kerjaya pilihan bagi memajukan ekonomi bumiputera selepas tamat

pengajian nanti. Tahniah kepada usaha murni yang dijalankan oleh GABEM serta MAKLUM dalam menganjurkan program seumpamanya. Program ini boleh dicadangkan supaya menjadi **agenda tahunan** agar warga bumiputera di IPT akan terus mendapat maklumat terkini dan kesedaran dapat dipupuk bagi memastikan perjuangan berterusan ke arah memperkasakan ekonomi bangsa.

8. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat di dalam menjayakan program. Tanpa adanya usaha dan komitmen yang tinggi dari semua pihak, program ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Bagi pihak UTeM, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana memilih UTeM

9

sebagai tuan rumah. Izinkan saya sudahi ucapan dengan membaca serangkap pantun yang berbunyi :

*Balik beraya ke Tanjung Malim;  
Jangan lupa membawa bekalan,  
Hubungan erat UTeM dan GABEM;  
Semoga ianya terus berkekalan.*

Dengan lafaz kalimah yang mulia *bismillahirrahmanirrahim* saya dengan sukacitanya merasmikan Program Konsolidasi Patriotisme Ekonomi Bumiputera, Zon Selatan.

Sekian, *wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*